

NO SOALAN :43**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO (KLANG)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 13.03.2018

Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO [KLANG]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesudian Kerajaan untuk melaksanakan dasar cukai progresif untuk mengurangkan jurang pendapatan antara golongan kaya dengan miskin. Adakah Kerajaan merancang untuk memulakan cukai keuntungan modal serta tingkatkan kadar cukai bagi golongan kaya .

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengkaji dan menambah baik kesesuaian dasar percukaian sedia ada dari semasa ke semasa seiring dengan persekitaran sosio ekonomi. Bagi mengurangkan jurang pendapatan antara golongan kaya dengan

miskin, kadar cukai pendapatan individu telah dikaji beberapa kali dengan mengurangkan kadar cukai pendapatan golongan berpendapatan rendah dan sederhana serta meningkatkan kadar cukai pendapatan golongan berpendapatan tinggi.

Kerajaan telah mengurangkan kadar cukai pendapatan individu sebanyak tiga kali dalam tempoh lima tahun. Mulai tahun taksiran 2013, terdapat pengurangan kadar cukai individu sebanyak satu mata peratusan bagi pendapatan bercukai di antara RM2,501 sehingga RM50,000. Mulai tahun taksiran 2015 pula, Kerajaan telah mengurangkan kadar cukai pendapatan individu sebanyak satu hingga tiga mata peratusan bagi semua banjaran pendapatan bercukai. Pada Bajet 2018 yang telah diumumkan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang lepas, Kerajaan sekali lagi telah menurunkan kadar cukai pendapatan sebanyak dua mata peratusan bagi golongan berpendapatan bercukai di antara RM20,001 sehingga RM70,000 mulai tahun taksiran 2018. Pengurangan kadar cukai pendapatan individu ini adalah untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana meningkatkan pendapatan boleh guna mereka.

Bagi memastikan struktur cukai individu yang lebih progresif, kadar cukai pendapatan bagi golongan berpendapatan tinggi telah dinaikkan mulai tahun taksiran 2016. Kadar cukai pendapatan individu yang mempunyai pendapatan bercukai di

antara RM600,001 sehingga RM1,000,000 dinaikkan sebanyak satu mata peratusan manakala pendapatan bercukai melebihi RM1,000,000 dinaikkan sebanyak tiga mata peratusan.

Selain itu, bagi meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat seterusnya mengurangkan jurang antara golongan kaya dan miskin, sebanyak 21 pelepasan cukai telah disediakan kepada pembayar cukai dan rebat sebanyak RM400 juga diberikan kepada pendapatan bercukai sehingga RM35,000.

Berhubung Cukai Keuntungan Modal atau *capital gains tax* (CGT) pula, pada masa kini, Kerajaan belum bercadang untuk melaksanakan CGT sebagai kaedah untuk mempelbagaikan atau melebarkan sumber pendapatan negara. Ini kerana kajian yang menyeluruh dan mendalam perlu dilaksanakan bagi mengetahui keberkesanan pengenaan CGT sebagai asas cukai. Di Malaysia, asas cukai yang hampir sama dengan CGT adalah Cukai Keuntungan Harta Tanah atau *real property gains tax* (RPGT) yang diperkenalkan pada tahun 1976 bagi menggantikan Akta Spekulasi Tanah 1974. RPGT dikenakan ke atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah dan syer dalam syarikat harta tanah. RPGT juga turut dikenakan ke atas pelupusan hartanah oleh individu. Kadar RPGT adalah di antara 0% sehingga 30% bergantung kepada tempoh pegangan hartanah tersebut sebelum dilupuskan.

Selain untuk mengekang spekulasi dalam pasaran hartanah, RPGT

juga dilihat sebagai salah satu sumber pendapatan negara dan hampir menyerupai asas pengenaan cukai keuntungan modal atau *capital gains tax* kecuali ianya lebih terhad dan berfokus kepada pelupusan hartanah dan saham syarikat hartanah sahaja.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' SRI WEE JECK SENG**
[TANJONG PIAI]
TARIKH : **13 MAC 2018 [SELASA]**
SOALAN : **44**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh mana penglibatan serta sumbangan MOSTI bagi memperkasa penyelidikan, pembangunan dan inovasi nuklear dalam bidang pertanian yang boleh dirasai dan membawa kesan secara langsung kepada rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) aktif menjalankan penyelidikan, pembangunan dan inovasi (R&D&I) berteraskan teknologi nuklear dalam bidang pertanian seperti pembiakbakaan tanaman dan pengurusan agro-ekosistem. Aplikasi teknik penyiaran yang digunakan dalam pembangunan bioproduct dan bioproses telah berjaya meningkatkan produktiviti hasil pertanian.

Bagi penghasilan benih baharu tanaman, antara kaedah yang digunakan adalah mutagenesis sinaran. Benih baharu tanaman ini mempunyai ciri-ciri yang lebih baik seperti memberi hasil yang lebih banyak (*high yield*), berkualiti tinggi serta tahan penyakit.

Antara benih baharu tanaman yang berjaya dihasilkan melalui teknik ini adalah benih padi, pisang, kacang tanah, cendawan, orkid, bunga kekwa, bunga raya, nenas, kenaf, stevia dan juga tanaman landskap lain. Sebahagian benih-benih ini telah dikomersialkan, manakala sebahagian lagi diperingkat pensijilan dan pra-pengkomersialan.

Sebagai contoh, Nuklear Malaysia dengan kerjasama beberapa jabatan kerajaan berkaitan telah menghasilkan benih baharu padi yang tahan kepada penyakit, perubahan cuaca dan memberi peningkatan hasil yang lebih tinggi serta berkualiti.

Manakala benih baharu pisang yang dihasilkan, dikenali sebagai Pisang Novaria, telah berjaya dikomersialkan melalui usahasama Nuklear Malaysia dengan syarikat United Plantation Sdn. Bhd. untuk dipasarkan dan digunakan oleh pengusaha ladang pisang dan petani di seluruh negara.

Di samping itu, aplikasi teknologi nuklear dalam bidang pertanian turut membantu mengurangkan kebergantungan Malaysia kepada import untuk bekalan benih. Sebagai contoh, penyelidikan terhadap cendawan *Volvariella* membantu petani mengurangkan kebergantungan bekalan anak benih cendawan dari negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua,

Satu lagi kejayaan Nuklear Malaysia dalam membantu para petani adalah mengaplikasi teknologi nuklear dalam penghasilan bahan polimer dan biokomposit sebagai bahan baharu. Salah satu produk biokomposit yang berjaya dihasilkan ialah alternatif kepada kayu Belian yang digunakan sebagai tiang sokongan dalam penanaman lada hitam. Kelebihan tiang biokomposit ini ialah ia boleh di-biodegradasi, boleh dikitar semula, mengurangkan pembuangan sisa pepejal, dan mudah dibentuk untuk tujuan pengairan dan pembajaan.

Selain daripada aplikasi yang dinyatakan diatas, teknologi nuklear juga telah membantu petani melalui penentuan kesuburan tanah, teknik dan strategi pembajaan, pengurusan air, penghasilan bio-baja dari sisa udang dengan menggunakan teknik sinaran, dan lain-lain.

Bagi membolehkan hasil R&D&I nuklear ini dimanfaatkan oleh rakyat, Nuklear Malaysia aktif dalam projek Inovasi Sosial MOSTI (MSI) yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat melalui pelaksanaan projek, perkhidmatan, peningkatan kemahiran atau hasil inovasi menggunakan teknologi sedia ada.

Sebagai contoh, projek penghasilan Teh Volvariella sebagai produk hiliran yang melibatkan 20 orang petani di Kampung Rembang Panas, Kuala Pilah Negeri Sembilan. Melalui program ini, para petani diberi pendedahan dan latihan sekaligus membantu mereka memperbaiki tahap sosio ekonomi di samping menambahkan sumber pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua,

MOSTI akan terus komited untuk memaju dan meningkatkan pencapaian penyelidikan, pembangunan dan inovasi dalam bidang teknologi nuklear bagi memastikan hasil penyelidikan dapat memberi impak yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat.

Sekian, terima kasih.